

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 3/2014



Perhatian Terhadap Cabaran dihadapi Masyarakat Bandar



KERAJAAN PUSAT AMBIL
ALIH PEMBERSIHAN
TANDAS AWAM MULAI
2016

Muka surat 6



NBOS KOTA BELUD:
58 JUTA BAGI
23 PROJEK

Muka surat 12



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam III

Noraidah Mohd Noor

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar & Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Unit Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena



Sidang Redaksi

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia kepada para pembaca khususnya kepada warga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Masa berlalu dengan pantas dan tahun 2014 melabuhkan tirainya dengan penuh pengisian yang bermakna, pengajaran yang berharga dan pengalaman yang mencabar buat Malaysia dan rakyatnya.

Sepanjang tahun 2014, banyak perancangan dan pembangunan telah berjaya dilaksanakan dan pelbagai kejayaan telah dicipta. Antara pencapaian KPKT yang membanggakan adalah bila mana Kementerian ini berjaya meraih Anugerah Agensi Induk Terbaik dalam Penilaian Laman Web/ Portal Agensi Kerajaan (MGPWA) tahun 2013 atas kejayaan KPKT dan semua agensi di bawah KPKT mendapat 5 Bintang; dan dinobatkan sebagai Kementerian pertama yang menerima Penganugerahan Sijil 5S Hijau oleh SIRIM Berhad atas pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.

Menjelang tahun 2015, YB Menteri menetapkan harapan untuk menjadikan KPKT sebagai Kementerian yang terbaik dalam aspek pentadbiran, tatasusila, dan perkhidmatan kepada rakyat. Bagi merealisasikan harapan yang tersebut, beliau menyeru keluarga besar KPKT bersatu dalam persamaan dan perbezaan serta *do not work in silos* dan mengenyepikan kepentingan peribadi dan agenda tersendiri yang tiada kena-mengena dengan rakyat.

Selain itu, YB Menteri juga menekankan kepentingan menzahirkan rasa belas kasihan dan perikemanusiaan (*compassion*), penerapan tata kelola yang baik (*good governance*), penghasilan idea dan kreativiti, sifat kepimpinan dan integriti dalam diri tiap warga KPKT. Jika setiap warga KPKT mempunyai setiap disposisi sebagaimana yang YB Menteri unjurkan, KPKT bakal menjadi sebuah organisasi yang lebih bersistematik lagi efektif. Warga KPKT bersatu demi sebuah Kementerian yang tersusun, zero birokrasi yang melambatkan dan tanpa hierarki yang melemaskan.

Dikesempatan ini, sidang redaksi mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 dan diharapkan tahun 2015 yang akan kita hadapi, menjadi tahun yang lebih baik buat KPKT khususnya dan Negara Malaysia amnya. Bersamalah kita berganding bahu untuk terus mereliasasikan Moto KPKT 'Kehidupan Sejahtera' untuk rakyat jelata.

Selamat berjuang.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil 3/2014

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



The capital of Malaysia, Kuala Lumpur, will host the ninth session of the World Urban Forum (WUF) in 2018. UN-Habitat, the United Nations Human Settlements Programme has announced the decision on Monday, 3 November 2014 as the culmination of a six (6) months bid process.

The United Nations Under-Secretary-General and UN-Habitat Executive Director, Dr. Joan Clos, has communicated directly the decision to the Minister of Urban Wellbeing, Housing and Local Government of Malaysia, Datuk Abdul Rahman Dahlan, during the Fifth Asia Pacific Ministerial Conference on Housing and Urban Development that is being held in Seoul, Republic of Korea, from 3 to 5 November 2014.

Dr. Joan Clos said after the bilateral meeting held with the Minister that in addition to its excellent bid, Kuala Lumpur is "bringing back the WUF to Asia continent that has just host the Forum once in 2008 in Nanjing, China, but it is where more than half of the world's urban population lives. This region has accounted for about 65 per cent of the demographic expansion of all urban areas across the world since the beginning of the 21st century." Clos extended his "congratulations to the city of Kuala Lumpur and the Government of Malaysia for its commitment towards sustainable urban development bidding for hosting the Forum and the thousands of stakeholders that meet every two years to share practices and knowledge on how cities are built, planned and managed".



WUF9 will be the first Forum to be held after the Post 2015 Development Agenda Process and the United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development - Habitat III in 2016, which is a global legislative conference organized every 20 years to review and define the urban agenda and pave way for UNHabitat's vision towards a better urban future.

The selection process for WUF9 started in May 2014 with a call for expression of interest. Those cities interested received a bid questionnaire that was mandatory to submit before 15 September. The decision on the host city was taken last Friday 31 October 2014, same day that it was celebrated the World Cities Day for the first time.

Background

The World Urban Forum (WUF) is a non-legislative technical forum convened by UNHabitat, hosted in a different city every two years. It has become one of the major international events for exchanging views and experience on urban challenges. The objectives and mode of work of WUF were adopted during the First session of the Forum which was held in Nairobi, Kenya, from 29 April to 3 May 2002.

The Second session took place in Barcelona, Spain, 13-17 September 2004; the Third in Vancouver, Canada, 19-23 June 2006; the Fourth session in Nanjing, China, 3-6 November 2008, the Fifth session in Rio de Janeiro, Brazil, 22-26 March 2010, the ixth session in Naples, Italy, 1-7 September 2012 and the Seventh session in Medellín, Colombia, from 5-11 April 2014.

The participation in the Forum has seen an increase over the last years and steadied at around 22,000 attendees from all over the world in WUF7. The Forum gathers a wide range of experts from every walk of life. Participants at the Forum include, but are not limited to, national, regional and local governments, non-governmental organizations, community-based organizations, professionals, research institutions and academies, professionals, private sector, development finance institutions, foundations, media and United Nations organizations and other international agencies.

The main goals of the World Urban Forum are:

- i. Advocate for and raise awareness on Sustainable Urbanization Development;
- ii. Advance the collective knowledge on sustainable urbanization through inclusive open debates, exchange of experiences and best practices; and
- iii. Further coordination and cooperation within and between different constituencies towards the advancement and implementation of the Habitat Agenda.



MINISTRY READY TO TAKE ON URBAN CHALLENGES

2015 is upon us. For the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT), the year ahead will be a challenging one indeed, especially in providing affordable housing, improving management of solid waste and ensuring a better quality of urban life in towns and cities.

The government paid tremendous attention to housing issues under PEMANDU's National Key Results Area (NKRA) in addressing the rising cost of living. For this year, the government has allocated RM2.1 billion to build 133,000 affordable houses in projects implemented by its agencies, like the National Housing Department (a department under the Ministry), the 1Malaysia People's Housing programme (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Bhd and others.

Households from the middle and low-income groups, especially those in major cities, are facing tremendous challenges in affording to purchase a home. Currently, 71 per cent of Malaysians (approximately 20 million people) reside in urban areas. This is a stark difference from 1957, when 89 per cent of the population lived in rural areas. Urban population will continue to grow as Malaysia becomes a developed and high-income nation.

To ensure that housing remains affordable and within the reach of the low and medium-income groups, the government has promised to build one million units of affordable houses across the country within the next five years. The proposed one million affordable homes will impact market supply and, in turn, will positively influence the prices of houses.

The MyHome (Private Affordable Ownership Housing Scheme) programme and the 1Malaysia Civil Servants Housing (PPA1M) Project have been allocated RM300 million and RM500 million, respectively.

First-time housebuyers can enjoy up to RM30,000 in incentives for each of the 10,000 low-cost housing units offered under MyHome. The MyHome scheme is the brainchild of Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, who announced it during the tabling of 2014 Budget.

Through these schemes, the government is trying to make more affordable homes available in the market so that more people from the low and middle-income groups will be able to purchase their dream homes.

“This rural-urban migration scenario has resulted in a very high demand for housing in urban areas. Consequently, this has led to sharp price increases for urban housing. Thus, the government has to undertake continuous measures to ensure that Malaysians from the low and medium-income groups have access to adequate, quality and affordable homes”

- Datuk Abdul Rahman Dahlan, Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister.

The government wants to control the increase of house prices so that homes will be affordable for the masses. This strategy will curtail any drastic price increases and, at the same time, maintain market price at a reasonable level.

However, the government cannot single-handedly keep building homes on its own. The private sector has to play its part as well. Next year will likely see the implementation of new strategies designed to further boost the capabilities of the private sector in building affordable homes nationwide.



ABANDONED HOUSING PROJECTS

This issue continues to plague the housing market and people's livelihood. Abandoned housing projects are one of the most challenging tasks for the Ministry this year.

The problem often involves multiple stakeholders, including housebuyers, developers and banks. The time frame to resolve this issue is slow because before projects can be declared abandoned, the various stakeholders must first come to an agreement.

Most of the time, housebuyers will resort to legal action - a notoriously time-consuming measure. To achieve prompt resolution, the relevant stakeholders need to compromise and get on the same page as soon as possible.

The situation becomes tougher when housebuyers cannot be traced or when developers are declared bankrupt. However, the Ministry is trying to find a workaround that does not require stakeholders to be tied to all these factors. As of November this year, KPKT has revived 15 abandoned private housing projects.

URBAN WELLBEING

Under the NKRA of "Raising the Living Standard of Low-Income Households", it was reported that the poverty rate had declined to 1.7per cent in 2012, while hardcore poverty was almost zero. Looking ahead, Datuk Abdul Rahman says the aim is to develop the country into a metropolitan nation catering to all communities.

KPKT has set its focus on empowerment, engagement and interaction with the younger generation as well as local communities.

It wants to give the people - especially the urbanites - more space to express their views. The aim is for people to be happy with their living conditions by providing better infrastructure and facilities. It wants more public participation at the local government level via resident associations, public hearings and local council meetings to discuss issues affecting their areas.

It is also looking at the safety aspects of the neighbourhoods, with more eco-friendly green buildings, clean public toilets and focus on people-friendly new developments.

WASTE MANAGEMENT

The government recognises that the effective management of waste - solid waste, in particular - as one of the prerequisites for Malaysia to achieve developed-nation status.

Malaysians must accept the fact that it is high time for the country to build waste-to-energy plants to replace increasingly unsuitable sanitary landfills for solid waste disposal. The time has come for us to have waste-to-energy plants because we produce 33,000 tonnes of garbage daily. Having reached this level, soon, there will no longer be any space for landfills.

On the importance of effective waste management, households will have to separate their solid waste starting September next year.

This mandatory move will see household solid waste separated into categories, such as plastic, paper, cardboard, glass, metal and food waste.



The collection of the separated waste will be implemented according to a schedule to be developed by a concession company. The concept, the minister adds, has been fully implemented in states that use Act 672 of the Solid Waste Management and Public Cleansing Act 2007 like the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, Pahang, Johor, Malacca, Negri Sembilan, Perlis and Kedah from September this year.

In short, after a whirlwind year in which the Ministry has managed to lay the groundwork for bigger successes in the coming year, KPKT expects 2015 to be a landmark year in providing better services and programmes that will further improve the wellbeing of urban people.

TOWARDS BETTER HOUSING, WELLBEING

NKRA/NKPI	Target	Actual Achievement
1. Low-income household		
1.1 Number of new 1AZAM participants monitored at the minimum of 6 months after implementation: Housing: AZAM Bandar	1800	2500
1.2 Number of new existing 1AZAM participants increased their income by RM300 for any 3 months/Above Poor PL1(2012): Housing: AZAM Bandar	1400	1310
1.3 Number of 1AZAM participants in Financial Literary Programme: Housing: AZAM Bandar	1800	2379
MKRA		
1. To provide housing for low-income households and squatters via rental or ownership of PPR's in urban areas		
1.1. Number of units completed	3172	3172
2. To increase local authority development competency		
2.1 Percentage of planning approvals processed and resolved by local authorities between 57 and 108 days	94% target reduced from 47 days	92.24% as of Nov 2014
2.2 Percentage of planning aprovals processed and approved within stipulated time (37 days)	91%	93.06% as of Nov 2014
2.3 Improve ranking in dealing with Construction Permits under 'Ease of Doing Business' category in the World Bank Report	Top 40	Rank 28
3. Revival of abandoned housing projects		
3.1 Number of revived licensed abandoned private housing projects	15	15
4. Increase efficiency of fire and rescue services		
4.1 Average percentage of response to emergencies achieved within stipulated zone times	95%	99.1% as at Nov 2014
4.2 Recruitment and appointment of auxiliary fire personnel to improve response time in Zone 3 areas	300 personnel	440 personnel

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ketika merasmikan Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014 memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat akan mengambil alih aktiviti pembersihan tandas awam di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandangkan banyak aduan mengenai kebersihan tandas diterima daripada orang awam.

Pengambilalihan ini juga adalah selaras dengan Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Pelan Tindakan Transformasi PBT yang sedang diusahakan oleh KPKT. Tarikh pengambilalihan akan diperincikan dan dibincangkan dengan Pihak Berkuasa Negeri dan PBT yang sedia menerima pakai Akta tersebut yang dijangka akan bermula pada 2016.

YB Menteri juga memaklumkan bahawa, setiap tahun Kementerian memperuntukkan sekurang-kurangnya RM5 juta untuk menaik taraf atau membina tandas baharu di PBT seluruh Negara. Pada tahun ini, sejumlah RM26.5 juta telah diagihkan kepada PBT bagi memperbaiki dan menaik taraf tandas-tandas awam milik PBT di seluruh Negara di bawah program yang di panggil Program *My Beautiful Malaysia* (MyBM).

Namun begitu, pada keseluruhannya tandas awam di Negara ini masih kotor, menjijikkan dan banyak yang tidak selamat untuk digunakan. Kebocoran sinki; mangkuk tandas yang pecah; pintu tandas yang tidak boleh dikunci adalah antara fenomena yang biasa dihadapi ketika mengunjungi tandas awam di Malaysia.



Vandalisme tandas-tandas awam begitu berleluasa yang mana tandas-tandas dikotorkan dengan sengaja; peralatannya dicuri; dinding diconteng dan pintu dipecahkan. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan imej dan nama baik Negara dalam kalangan pelancong asing namun tidak baik untuk kesihatan dan keselesaan kita sendiri.

Vandalisme dan penggunaan yang tidak betul ini telah menyebabkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan ada sebilangan PBT yang tidak berupaya untuk membuat penyelenggaraan secara berkala dan tandas-tandas ini menjadi terbiar dan tidak terpelihara.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan Persekutuan di bawah Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal

dan Pembersihan Awam akan mengambil alih urusan pembersihan. Bagi penyelenggaraan, Kerajaan Persekutuan akan terus menyalurkan peruntukan dan Kementerian berharap agar Kerajaan Negeri turut memperuntukkan kos bagi penyelenggaraan tandas sedia ada. Manakala bagi Negeri-Negeri yang belum menerima Akta 672 adalah dinasihatkan untuk memperuntukkan sejumlah bajet bagi tindakan-tindakan menyelenggara dan membaik pulih tandas-tandas awam di kawasan masing-masing. KPKT juga akan membuat semakan semula bagi Terma Rujukan (TOR) projek-projek BP1 untuk memperlihatkan kesungguhan menangani isu kebersihan tandas-tandas awam. Garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pembersihan tandas awam akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa.



TANDAS KITA: BERSIH, CERIA DAN SELESA!

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah menyempurnakan perasmian Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014 Peringkat Kebangsaan pada 22 November 2014 di Dataran Sri Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Mohd Khalid Mat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD); YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; dan YBhg. Datin Maziah Adnan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

KPKT mengekalkan tema sambutan tahun lalu iaitu 'Tandas Kita: Bersih, Selamat dan Selesa' bertepatan dengan usaha KPKT untuk mewujudkan tandas awam yang bersih, selesa dan selamat serta meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam menjaga dan menggunakan tandas dengan betul.

Pelbagai aktiviti dianjurkan bagi menyemarakkan Sambutan Hari Tandas Sedunia pada tahun ini dan meningkatkan kesedaran masyarakat dalam usaha menjaga kebersihan tandas, antaranya ialah:

- Menjalankan Penarafan Bintang (*Star Rating*) bagi tandas-tandas awam di seluruh Negara

dan keputusannya adalah seperti berikut:

- Empat (4) peratus sahaja tandas awam bertaraf 5 bintang; dan
- 43.7 peratus tandas awam berada di taraf 2 dan 1 bintang.

- Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia sebagai tanda pengiktirafan kepada tandas-tandas awam yang bersih di samping meningkatkan persaingan sihat dalam menyediakan tandas bersih kepada masyarakat; dan

- Sesi temu bual bersama Ir. Zainal Abidin Sa'idun, Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal), JKT dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia (RTM1) dan Bernama Radio 24 bagi mengupas mengenai isu-isu tandas di Malaysia dan pengisian Sambutan Hari Tandas 2014.

Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2014 ini telah dianjurkan oleh KPKT dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan MPPD selaku penganjur bersama. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Penerangan Malaysia juga terlibat dalam menjayakan majlis ini.

KUAT KUASA PENGASINGAN DI PUNCA BERMULA SEPTEMBER 2015

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan bahawa Pengasingan Sisa di Punca (*separation at source*) akan dilaksanakan secara mandatori mulai September 2015. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merangka peraturan dan garis panduan untuk melaksanakan usaha ini dengan berkesan. Pelaksanaan peraturan baharu ini telah digubal menurut klausa perundangan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Secara umumnya, proses pengasingan sisa di punca membabitkan:

- Pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa: plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa makanan, sisa pukal dan sisa kebun; dan
- Kutipan sisa yang diasingkan akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat konsesi yang dilantik. Ini akan dilaksanakan berdasarkan konsep kutipan 2+1.

Pelaksanaan kutipan 2+1 juga telah pun dijalankan sepenuhnya di negeri-negeri yang

menerima pakai Akta 672 iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah bermula September 2014.

Ke arah mendorong sokongan rakyat terhadap pelaksanaan peraturan ini, JPSPN akan melaksanakan kempen hebahan, program kesedaran dan pendidikan di seluruh Negara. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan fasiliti pengurusan sisa pepejal ditambah baik dan pengoperasian pusat-pusat 3R peringkat komuniti berjalan lancar untuk memastikan kejayaan inisiatif baharu ini.

Pelaksanaan peraturan baharu ini adalah sebahagian usaha Kerajaan untuk mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sisa, yang ketika ini semakin meruncing. Peningkatan jumlah sisa secara mendadak menyebabkan tapak pelupusan sedia ada semakin kehabisan ruang.

Ini ditambah pula dengan persaingan guna tanah bagi membina tapak pelupusan baharu, menyebabkan Kerajaan terpaksa memperkenalkan kaedah tambahan dalam



pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Pengasingan sisa di punca akan membantu mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, justeru membantu menambah jangka hayat tapak pelupusan tersebut.

Aktiviti 3R dan pengasingan sisa di punca telah dikenal pasti sebagai salah satu langkah paling berkesan dalam usaha mengurangkan jumlah penjejakan dan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan.

Sebagai sebuah Negara yang sedang bergerak ke arah status Negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia harus meningkatkan aktiviti 3R dan kadar kitar semula di peringkat kebangsaan. Melalui pelaksanaan hebahan kempen kesedaran dan 'public education' ini, Kerajaan yakin boleh mencapai sasaran pencapaian kadar kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020.



'KITAR SEMULA TANGGUNGJAWAB SEMUA'

Sambutan Hari Kitar Semula 2014 dengan tema 'Kitar Semula Tanggungjawab Semua' telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT pada 15 November 2014 bertempat di Taman Seri Serdang, Selangor. Acara tahunan anjuran KPKT melalui JPSPN kali ini diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ); Universiti Putra Malaysia (UPM); dan *Malaysian Environmental NGOs* (MENGO).

Majlis sambutan ini merupakan acara kemuncak bagi program-program kesedaran kitar semula yang dilaksanakan di seluruh Negara pada sepanjang tahun. Pengiktirafan dan penghargaan diberikan kepada pihak yang aktif mengamalkan aktiviti 3R seperti sekolah, individu dan syarikat korporat.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kitar Semula pada tahun ini adalah seperti yang berikut:

- Penganjuran Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada 13 November 2014 dengan tajuk "Kitar Semula Tanggungjawab Bersama dan Menjaga Alam Sekitar Satu Ibadah";



- Sesi temu bual di stesen televisyen radio bagi membincangkan topik Sambutan Hari Kitar Semula 2014;

Tetamu	Stesen Televisyen/Radio	Tarikh
YBrs. Tuan Azmy Mohd Ali Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan, JPSPN	RTM 1 (Rancangan Selamat Pagi Malaysia Bernama Radio 24	5 Nov 2014
	(Rancangan Ala Carte)	10 Nov 2014
	Nasional FM	11 Nov 2014
YBrs. Dr. Muharrir Kamarudin, Ketua Penolong Pengarah JPSPN	UltraFM	13 Nov 2014

- Pembukaan gerai-gerai pameran oleh Jabatan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta;
- Program berbasikal;
- Persembahan daripada *Malaysian Buskers* dan silap mata oleh "Fahmi The Magician"; dan
- Program pencarian harta karun 'Green Hunt 2014 – kerjasama JPSPN dan *Malaysian Environment NGO's* (MENGO).



HARI HABITAT SEDUNIA DAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA DISAMBU SERENTAK

KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia bersekalikan dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) di Berjaya Times Square pada 11 November 2014. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan

Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT serta Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan Delegasi Asing yang mewakili Kedutaan masing-masing.



Sambutan HPBS diadakan bersempena memperingati sumbangan dan peranan Perancang Bandar yang telah ditetapkan pada setiap 8 November setiap tahun. Manakala Hari Habitat Sedunia merupakan program yang diperkenalkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu di bawah *United Nation Human Settlements Programme (UN-HABITAT)* yang disambut pada Isnin pertama setiap bulan Oktober di seluruh dunia secara tahunan. Memandangkan kedua-dua program ini saling berkait rapat, maka pihak Pengurusan KPKT memutuskan sambutan program-program ini dilakukan serentak.

KEARAH MENCAPAI PEMBANGUNAN BANDAR SAKSAMA YANG BERSEPADU DAN INKLUSIF

Dalam usaha ke arah mencapai pembangunan bandar saksama yang bersepadu dan inklusif, Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) pada tahun ini disambut dengan tema *Social Urbanism: Developing an Equitable City*. Sambutan bersama ini adalah hasil kerjasama pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dengan sokongan daripada pihak Kementerian *United Nations Development Programme (UNDP)* Malaysia. Antara program-program yang diadakan sempena sambutan ini adalah seperti yang berikut:

- i. Sesi temu bual di stesen radio dan televisyen bagi membicarakan topik Sambutan HPBS 2014;

Tetamu	Stesen Televisyen/Radio	Rancangan	Tarikh
YBrs. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JPBD dan Encik Muhamad Anwar Ramli, Penolong Pengarah Kanan, Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan JPBD	Bernama Radio 24	Dalam Radar	31 Okt 2014
YBhg. Dato' Dr. Dolbani Mijan, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan JPBD	RTM 2	<i>Hello on Two</i>	4 Nov 2014

- ii. Aktiviti Seremban *Urban Trail* yang berkonsepkan *amazing/explore race* berjalan kaki sejauh lima (5) kilometer di kawasan pusat bandar Seremban bermula dari Dewan Majlis Perbandaran Seremban pada 1 November 2014;

- iii. Pembentangan kertas kerja;

Bil	Tajuk	Pembentang
1.	<i>Social Urbanism : Towards Achieving Equality in Habitation</i>	Ms. Michelle Gyles-McDonnough, <i>United Nation Resident Coordinator</i>
2.	<i>Social Urbanism : Towards Equitable Urban Communities</i>	YBhg. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JPBD

- iv. *Take a break : Read, Plan and Act* bersama YB Menteri merupakan program *book reading* bersama YB Menteri dengan panel-panel yang terdiri daripada YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JPBD; YBhg. Dato' Dr. Dolbani Mijan, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan JPBD; dan YBrs. Tuan Haji Zainuddin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JPBD;

- v. Penyampaian penghargaan kepada MURNInets – Anugerah Bandar Mampan 2013, Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau 2014 dan penyampaian cenderahati bagi pertandingan *Photo journalism*.

- vi. Sesi Demo 3.0 Lembaga Rayuan oleh JPBD Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru;

- vii. Pameran pada 10 dan 11 November 2014 yang disertai oleh 14 agensi iaitu;

- | | |
|--|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. KPKT 2. JPBD 3. Jabatan Landskap Negara (JPN) 4. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) 5. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) 6. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 7. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) | <ol style="list-style-type: none"> 8. Habitat for Humanity Malaysia 9. Malaysian Association of Social Impact Assessment 10. Perbadanan PR1MA Malaysia 11. Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia 12. Persatuan Kebajikan Penduduk Kg. Malaysia Tambahan 13. Iskandar Regional Development Authority (IRDA) 14. 1 Malaysia for Youth (IM4U) |
|--|---|

- viii. Pelancaran Kebun Bandar (*Urban Farming*) peringkat Ibu Pejabat JPBD pada 22 September 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Projek Zon Tengah JPBD bertujuan untuk membentuk pasukan petani bandar daripada wakil-wakil bahagian di JPBD untuk melaksanakan salah satu aktiviti dengan menerapkan aktiviti berkonsepkan Kebun Bandar JPBD di kawasan 'open space' Ibu Pejabat JPBD.



"VOICES FROM SLUMS": HARI HABITAT 2014 FOKUS GOLONGAN MISKIN

Objektif utama sambutan Hari Habitat Sedunia adalah untuk membangkitkan kesedaran kepada semua masyarakat betapa pentingnya tempat tinggal yang selesa; persekitaran yang permai; bandar yang selamat serta semua hak asasi masyarakat terpelihara.

Hari Habitat Sedunia juga mengingatkan semua berhubung peranan dan tanggungjawab kita kepada bandar serta tempat tinggal kita. Setiap tindakan yang kita lakukan pada hari ini akan memberi impak kepada bandar serta tempat tinggal kita pada masa akan datang.

Pada 6 Oktober 2014, pihak UN-HABITAT telah melancarkan tema sambutan bagi tahun 2014 yang memfokuskan kepada golongan miskin iaitu "Voices From Slums". Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keadaan di beberapa tempat di dunia ini yang berkepadatan tinggi, dengan perumahan yang tidak mencukupi; tiada kemudahan bekalan air bersih dan kemudahan sanitasi. Ini juga melibatkan keadaan yang mana tiadanya perkhidmatan pengangkutan awam dan tidak mempunyai akses untuk perkhidmatan kecemasan.



Habitat Awareness Mobile Team (Habitat AMT)

Habitat Awareness Mobile Team ini adalah salah satu program untuk memberi penerangan kepada warga Malaysia berhubung dengan kepentingan Hari Habitat. Program ini bertindak untuk mempromosikan Hari Habitat Sedunia kepada masyarakat melalui gerai pameran.

Pasukan Habitat AMT yang terdiri daripada warga Unit Hubungan Antarabangsa telah menyampaikan risalah-risalah serta penerangan berkaitan program perumahan, program penjagaan alam sekitar serta aktiviti-aktiviti berkaitan Hari Habitat kepada masyarakat melalui Program *Habitat Moment* pada 12 Oktober 2014 di Kota Tinggi, Johor; *International Greentech and Eco Products Exhibition Malaysia* (IGEM2014) pada 16 hingga 19 Oktober 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC); dan semasa Sambutan Hari Perancangan Bandar dan Hari Habitat Sedunia 2014.



Program *Habitat Moment* merupakan program yang mana pelajar sekolah melafazkan ikrar janji mereka untuk lebih bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar dan usaha-usaha ke arah melestarikannya.

Di samping itu, bengkel pengkomposan melalui Teknik Takakura turut diadakan dan disampaikan oleh pakar dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Pengkomposan melalui Teknik Takakura ini dapat menggunakan sepenuhnya sisa makanan dan sisa kebun sebagai baja kompos dan pengamalannya dapat mengurangkan sisa makanan dilupuskan di tapak pelupusan sampah. Secara tidak langsung amalan Kurangkan, Guna Semula and Kitar Semula (3R) dapat dipraktikkan.

Program ini telah berlangsung pada 12 Oktober 2014 di Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya Kota Tinggi dan telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya telah dipilih sebagai hos dan seramai kira-kira 800 pelajar telah terlibat dalam program ini.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Majlis Daerah Kota Tinggi; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Pejabat Pelajaran, PPSPPA; Polis Diraja Malaysia; Agensi Anti dadah Kebangsaan; Pejabat Kesihatan, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA); dan SWM Environment Sdn.

Pertandingan Analisis Senario Habitat

Penganjuran Pertandingan Analisis Senario Habitat merupakan platform bagi para pelajar di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi untuk menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui proses analisis serta pemikiran secara kritikal. Antara isu yang diketengahkan adalah isu-isu global yang berkait rapat dengan perubahan iklim, perumahan, perbandaran, penempatan manusia dan pengurusan sisa pepejal. Peserta pertandingan perlu membentangkan saranan dan penyelesaian mereka terhadap isu-isu tersebut.

Pada 4 Disember 2014, pertandingan peringkat akhir Analisis Senario Habitat ini telah diadakan di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan sebanyak sembilan (9) buah sekolah telah membentangkan slaid persembahan mereka. Acara penyampaian hadiah turut diadakan pada hari yang sama dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT. Senarai pemenang mengikut kategori bagi pertandingan ini adalah seperti yang berikut:

Kategori	Pemenang		
	Johan	Naib Johan	Tempat Ketiga
Institut Pengajian Tinggi	Kumpulan 2, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Kumpulan 7, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Kumpulan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
Menengah Atas	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching Sarwak	Sekolah Menengah Sains Banting, Selangor	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, Ipoh Perak
Menengah Rendah	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Molek, Johor	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching Sarawak	Maktab Rendah Sains MARA Merbok, Kedah



YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam menjawab soalan Senator Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman yang menyoal sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pembayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPTG) untuk pembelian rumah yang kedua dan seterusnya, memaklumkan bahawa buat masa ini RPTG memang telah pun dinaikkan dalam bajet 2014.

RPTG ini telah pun diubah untuk menjadi lebih tinggi lagi dari tahun sebelumnya iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun untuk individu, 30 peratus akan dikenakan jika rumah itu dijual dalam tempoh tiga (3) tahun. Dalam tahun keempat akan dikenakan cukai 20 peratus, dalam tahun kelima 15 peratus dan kalau tahun keenam seterusnya 0 peratus. Jadi ini adalah satu instrumen. Walau bagaimanapun, RPTG ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa oleh KPKT dengan perbincangan dengan Bank Negara Malaysia.

YB Datuk Abdul Rahman menyatakan bahawa sekarang trend kenaikan harga rumah di Negara kita lebih perlahan, puratanya hanyalah lebih kurang 5.6 peratus. Kadar kenaikan purata harga rumah bagi suku kedua tahun 2014 adalah 6.6 peratus sahaja berbanding tahun lepas 11.6 peratus, bermakna kenaikan harga rumah sekarang ini dalam keadaan yang perlahan dan lebih mampan.



RPTG ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa oleh KPKT dengan perbincangan dengan Bank Negara Malaysia.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan



Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem pengasingan di sumber ini secara mandatori bermula pada bulan September 2015.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan



Menjawab soalan yang diajukan oleh Tuan Syed Shahir Syed Mohamud mengenai sejauh mana syarikat-syarikat konsesi yang mengurus sisa pepejal dan kerja pembersihan kawasan mematuhi syarat pengasingan sampah-sarap dan sisa pepejal (kitar semula) untuk kesejahteraan rakyat, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan memaklumkan bahawa sehingga November 2014, syarikat-syarikat konsesi yang menguruskan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam telah pun melaksanakan sistem kutipan tiga (3) kali seminggu iaitu dua (2) kali seminggu untuk kutipan sisa isi rumah dan satu (1) kali seminggu untuk kutipan sisa pukal atau pun sisa kebun, taman dan barangan yang boleh dikitar semula berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan di bawah perjanjian konsesi.

Pelaksanaan sistem kutipan ini hanya bagi kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta 672 ini.

Bagi tujuan tersebut pihak syarikat konsesi telah pun menyediakan kenderaan pengangkut yang bersesuaian dan membekalkan tong kepada pemilik-pemilik premis di kawasan konsesi masing-masing. Bagi premis jenis bertanah (*landed*), penduduk akan meletakkan sisa yang boleh diktarkan semula dalam beg plastik atau bekas yang hendak dibuang dan diletakkan di tepi tong sahaja. Bagi premis bertingkat seperti flat dan apartment pula, penduduk perlu membawa turun sisa yang boleh diktarkan semula dan meletakkannya di rumah sampah yang disediakan untuk dikutip oleh syarikat konsesi.

YB Datuk Abdul Rahman juga memaklumkan bahawa Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem pengasingan di sumber ini secara mandatori bermula pada bulan September 2015.

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam menjawab soalan Tuan Chong Sin Woon sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan rumah transit yang dilihat mampu mengurangkan beban penghuni yang baharu berkahwin, memaklumkan bahawa Kementerian bercadang untuk menambah lagi dan akan memperluaskan lagi program ini ke bandar-bandar besar, dan bandar-bandar utama.

Antara cadangan lokasi baharu penyediaan rumah transit yang dikenal pasti oleh pihak kementerian ialah PPR Sungai Melana, Johor Bahru dan PPR Kepayan Ridge, Kota Kinabalu.

Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara akan berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menentukan keperluan untuk diletakkan bilangan rumah transit yang akan disediakan di negeri-negeri terutama di kawasan-kawasan bandar besar.

Menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Tuan Chong Sin Woon (BN) berkaitan kemudahan pengangkutan awam di lokasi rumah transit di PPR Bukit Jalil, YB Datuk Halimah menjelaskan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang berbincang dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menyediakan kemudahan bas *feeder* untuk tujuan pengangkutan ke stesen LRT Bukit Jalil.

YB Datuk Halimah juga memaklumkan bahawa sebuah stesen LRT sedang dibina bersebelahan dengan rumah transit yang berkenaan dan merupakan sebahagian daripada projek sambungan LRT laluan Ampang yang dijangka akan beroperasi tidak lama lagi.



Antara cadangan lokasi baharu penyediaan rumah transit yang dikenal pasti oleh pihak Kementerian ialah PPR Sungai Melana, Johor Bahru dan PPR Kepayan Ridge, Kota Kinabalu

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique



6 KERTAS KERJA DIBENTANG DALAM MPFN KE-21

Pada 8 Disember 2014, bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Pejabat Perdana Menteri, telah berlangsung Mesyuarat Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-21 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Tujuan mesyuarat adalah untuk membentangkan kertas kerja yang telah disenaraikan untuk mendapat persetujuan ahli Mesyuarat MPFN.

Sebanyak enam (6) kertas kerja yang telah dibentangkan iaitu:

- Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-pulau dan Taman Laut;
- Permohonan kebenaran Merancang Pelan Susun Atur bagi Cadangan Pembangunan Institusi di Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan untuk Tetuan Lembaga Getah Malaysia, Nasihat di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- Cadangan Konsep Pembangunan Lembah Chuping di Mukim Titi Tinggi, Padang Besar, Perlis untuk Kerajaan Negeri Perlis, Nasihat di Bawah Perenggan 2A(2)(b), akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- Impak Pemajuan di Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands – Kinta - Lojing;
- Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara Ke-2, 2010-2013; dan
- Laporan Kemampanan Bandar Malaysia Tahun 2013.



MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-68

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-68 (MNKT Ke-68) yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah berlangsung pada 18 September 2014.

Selaku badan tertinggi penggubal dasar dan undang-undang kerajaan tempatan selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, mesyuarat MNKT Ke-68 ini telah mempertimbangkan lima (5) kertas dan bersetuju dengan pelaksanaan cadangan kertas-kertas tersebut. Kertas-kertas pertimbangan adalah seperti yang berikut:

Kementerian	Tajuk Kertas Pertimbangan
KPKT	i. Cadangan Garis Panduan Perancangan Perumahan; ii. Cadangan Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang; iii. Cadangan Undang-undang Kecil Spa;
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	i. Cadangan Pelaksanaan Pengukuran ke atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan.

Mesyuarat MNKT ini juga mengambil maklum dua (2) kertas makluman seperti yang berikut:

Kementerian	Tajuk Kertas Makluman
Kementerian Kesihatan Malaysia	i. Cadangan Tindakan Pencegahan dan Kawalan bagi Membendung Pembiakan Aedes Tapak Binaan;
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	i. Laporan Terkini Mengenai Fenomena El Nino dan Kesannya kepada Malaysia.

KPKT KEMENTERIAN PERTAMA TERIMA PENGANUGERAHAN SIJIL 5S HIJAU



Pengamalan Persekitaran Berkualiti 5S Hijau adalah bertujuan meningkatkan kualiti dalam persekitaran kerja di samping turut mengutamakan persekitaran kerja yang mesra alam sekitar. Dengan pengamalan sistem ini, warga Kementerian ini bukan sahaja dapat bekerja dalam suasana persekitaran kerja yang bersih dan teratur, malah turut membantu mengurangkan pembaziran di samping menjaga keharmonian alam sekitar. Semoga amalan 5S Hijau diteruskan lagi di Kementerian ini dan kecemerlangan yang diraih berjaya dikekalkan pada masa hadapan.

Pada 27 Mei 2014, KPKT telah mengorak langkah untuk melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Hijau yang mana YBhg. Dato' Seri Arphah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, selaku CEO Kementerian telah memberikan komitmen dengan menandatangani pengisytiharan 5S Hijau.

Usaha mendapatkan pensijilan tersebut bermula sejak Februari 2014 dengan penubuhan Jawatankuasa Pelaksana 5S Hijau di KPKT di bawah bimbingan YBhg. Datuk Noriah Hashim, Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa (BKS) sebagai urus setia utama. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada setiap bahagian dan bengkel persediaan awal turut diadakan kepada semua ahli jawatankuasa. Aktiviti pembersihan ruang pejabat dan gotong-royong turut diadakan di setiap bahagian yang terlibat.

Penilaian oleh pihak SIRIM telah diadakan pada bulan Mei 2014 dan hasilnya Kementerian ini telah dianugerahkan Pensijilan 5S Hijau pada 22 Ogos 2014. Penganugerahan ini menjadikan KPKT sebagai Kementerian pertama di Malaysia yang menerima Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Hijau daripada pihak SIRIM Berhad.





PROGRAM *VOLUNTEER* MALAYSIA RAI SEMANGAT DAN POTENSI SUKARELAWAN

6 Disember dijadikan titik permulaan dan pelancaran Program Sukarelawan iM4U "*Volunteer Malaysia 2014*" bersempena dengan Hari Sukarelawan Antarabangsa (IVD) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak 1985 yang bertujuan untuk meraikan semangat dan potensi sukarelawan.

Program *Volunteer Malaysia 2014* dianjurkan bertujuan untuk meraikan semangat dan potensi sukarelawan, memberi peluang kepada pasukan sukarelawan iM4U dan pertubuhan belia sukarela untuk menyemarakkan kesedaran masyarakat dan mendapat pengiktirafan atas sumbangan yang diberi kepada masyarakat. Dengan slogan "Libatkan Diri, Sertai Kami, Lakukan Kebaikan!", program ini diharap dapat menyemarakkan semangat belia seluruh Negara untuk melibatkan diri dalam program kesukarelawan.

Sambutan hari *Volunteer Malaysia* telah diadakan secara serentak di 15 lokasi, melibatkan lebih 20,000 sukarelawan yang menyumbang lebih kurang 100,000 jam tenaga kerja yang digerakkan mengikut tiga (3) tema seperti yang berikut:

- Pasukan Hijau - menanam pokok;
- Kumpulan Pembersihan Pantai - membersihkan sampah di pantai; dan
- Kumpulan Pergerakan Seni Masyarakat - mengindahkan tempat awam seperti taman permainan, rekreasi dan kemudahan awam termasuklah aktiviti melukis mural kesenian dan kebudayaan tempatan.



Program *Volunteer Malaysia* ini dijalankan setiap enam (6) bulan dan diterajui oleh iM4U dengan kerjasama KPKT; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Belia dan Sukan (KBS); Kerajaan Negeri; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD); Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); pihak berkuasa tempatan (PBT); Pertubuhan Bukan Kerajaan dan agensi-agensi swasta.

Lokasi Sambutan Program *Volunteer Malaysia*

- Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur;
- Extreme Park, Shah Alam, Selangor;
- Pantai Kelanang, Kuala Langat, Selangor;
- Pantai Saujana dan Pantai Bagan Pinang, Negeri Sembilan;
- Taman Bukit Serindit, Melaka;
- Hutan Bandar Taman Rekamas, Johor;
- Taman Rekreasi Tasik Melati, Perlis;
- Alor Setar, Kedah
- Rumah Pangsa Keparang, Ipoh, Perak;
- Taman Negara Pulau Pinang;
- Centuary Gajah Kuala Gandah, Pahang;
- Pantai Rhu Sepuluh, Terengganu;
- Kampung Selising, Kelantan;
- Padang Pekan, Kota Belud, Sabah; dan
- Kampung Tuanku Abdul Rahman Lambir, Miri, Sarawak.



KOTA BELUD PERINTIS PROGRAM *VOLUNTEER* MALAYSIA NEGERI SABAH

Pekan Kota Belud terpilih sebagai tuan rumah *Volunteer Malaysia 2014* bagi Negeri Sabah dan majlis perasmian program ini bersekalikan dengan perasmian NBOS *My Beautiful Neighbourhood* telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Padang Pekan, Kota Belud Sabah.

Sambutan ini merupakan satu pengiktirafan atas sumbangan yang dijalankan oleh lebih 200 sukarelawan iM4U dan Skwad 169 yang telah bertungkus-lumus menyiapkan lukisan mural kesenian dan kebudayaan tempatan Kota Belud di tembok Padang Pekan Kota Belud selama tujuh (7) hari bermula pada 29 November hingga 5 Disember 2014.

Program ini diketuai oleh JPBD dengan kerjasama iM4U, Majlis Daerah Kota Belud (MDKB) dan Skwad 169, agensi kerajaan dan swasta. Antara aktiviti yang dijalankan sempena program tersebut ialah:

- Gotong-royong pembersihan semak-samun dan sampah;
- Tanam pokok;
- Penyampaian sijil kepada sukarelawan;
- Mengecat dan menandatangani Papan Tanda '*Public Art Movement*' oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri KPKT; dan
- Sesi bergambar bersama sukarelawan iM4U.

NBOS *My Beautiful Neighbourhood* Kota Belud: Kerajaan Peruntuk RM58 juta Untuk Laksana 23 Projek

NBOS *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) Kota Belud telah dilancarkan pada 11 Januari 2014. Sebanyak RM58 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Kota Belud untuk melaksanakan 23 projek. Berikut merupakan status Projek MyBN Kota Belud.

Project quick Win (Siap 2014) - Mercu Tanda Kota Belud di Taman Rekreasi Tun Said; 122 tong sampah baharu berkapasiti 1,100 liter dan 12 tong sampah besi berkapasiti 1,530 liter disediakan sekitar Pekan Kota Belud (RM370,000.00); 40 unit tempat letak motosikal berkunci di hadapan Majlis Daerah Kota Belud (RM35,000.00); 42 unit lampu di sekitar Kompleks Centenary (RM246,000.00); - Turap semula jalan di hadapan bangunan Tai Seng dan lorong belakang Central Point serta cat semula petak tapak kereta di seluruh pekan (RM297,000.00); - Naif taraf tandas awan di Pasar Besar (RM110,000.00); - Laluan pejalan kaki khusus (150 meter) di Jalan Sabar dan Kompleks Sri Rangan (RM361,000.00); dan - Naik taraf sistem perparitan bandar di Jalan Kota Belud - Kota Kinabalu (RM306,000.00).	Projek Jangka Masa Sederhana (Bermula 2016) - Membina Bazar Rakyat bertingkat (RM26 juta); - Menaik taraf terminal bas sedia ada kepada terminal bas bersepadu (RM2.5 juta); - Membina tempat letak kereta bertingkat; - Pembinaan jalan lencongan – Bangunan Peladang ke Jalan Kota Marudu/Kudat (300m); - Menaik taraf landskap di 3 bulatan; - Pelan landskap persisiran Sungai Gurong-gurong Bersepadu; dan - Mengecat Semula bangunan lusuh oleh pemilik kedai.
Project quick Win (Sedang Dalam Penyediaan) - Menaik taraf padang pekan RM5 juta bermula 5 Nov 2014 dan dijangkakan siap pada Jun 2016 Project quick Win (Laksana 2015) - Bina baharu tandas awam (RM350,000.00); dan - Naik taraf sistem perparitan di Pasar Tamu dan naik taraf pasar Tamu oleh FAMA (RM2 juta).	Projek Jangka Masa Sederhana (Tahun 2015-2017) - Menaik taraf Arked Kota Belud; - Menjalankan kajian awalan projek menaik taraf Sungai Gurong-gurong sebagai penyelesaian isu banjir di Pekan Kota Belud dengan peruntukan RM1.5 juta daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) akan melaksanakan projek fizikal menaik taraf sungai berkenaan dalam RMKe-11 (RM18.5 juta) - Menjalankan kajian aliran trafik bandar untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas (RM46,000.00) Projek Tambahan - Menaik taraf Dewan Tun Said (tahun 2015); dan <i>Public Art Movement</i> (6 Dis 2014)
Freewifi @ Kota Belud Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) juga telah menyediakan kemudahan <i>freewifi</i> agar warga Kota Belud dapat berkomunikasi dengan pantas meningkatkan akses kepada maklumat terkini membuka lebih banyak peluang ekonomi dan seterusnya memajukan kawasan Kota Belud.	

PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL BENTUK KEJIRANAN INDAH YANG MAMPAN

KPKT melalui Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7): Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*, MyBN) telah berjaya membaik pulih perumahan awam dan meningkatkan kualiti kemudahan untuk memastikan kejiranan mampan yang selamat, bersih dan bahagia. Bagi mengekalkan konsep Kejiranan Indah selepas projek disiapkan, Program Transformasi Sosial (PTS) diwujudkan di kawasan MyBN yang mana salah satu objektifnya ialah mewujudkan satu mekanisme kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program serta aktiviti yang dijalankan.

Program Transformasi Sosial dilaksanakan melalui program sedia ada di bawah jabatan/agensi di bawah KPKT iaitu Bomba Komuniti, Kitar Semula (3R), Kesihatan Persekitaran, Rakan Taman dan Bandar Selamat (*Omnipresence*). Antara bulan September hingga Disember 2014, sebanyak empat (4) Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial telah dianjurkan di lokasi MyBN seperti yang berikut:

Bil.	Lokasi	Agensi Pelaksana	Tarikh Majlis	Perasmian Oleh
1.	Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim, Kedah	Jabatan Landskap Negara (JLN)	6 Sep 2014	YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT
2.	Rumah Pangsa Kos Rendah Keluarga Kg. Bijangga, Dungun, Terengganu	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	27 Sep 2014	YBhg. Dato' Haji Din Adam, Pegawai Pembangunan Dungun
3.	PAKR Batu 1, JLN Teras 2, Pahang	Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB)	8 Nov 2014	YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT
4.	Flat Perumahan Taman Keramat, Sabah	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	7 Dis 2014	YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri KPKT



KPKT RAI PERASMIAN PUSPEK, HARI INOVASI DAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN KPKT SECARA SERENTAK

Melalui pendekatan kolaborasi inovasi antara jabatan dan bahagian di bawah KPKT, Majlis Perasmian Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK); Sambutan Hari Inovasi dan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014 telah diadakan secara serentak dalam satu majlis yang sama di Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK), Nilai, Negeri Sembilan pada 11 Disember 2014. Majlis yang istimewa dan meriah ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dihadiri lebih daripada 400 orang tetamu jemputan.

Majlis dimulakan dengan Pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, diikuti dengan ucapan perasmian dan seterusnya upacara perasmian Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK), Sambutan Hari Inovasi dan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014.

Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah dan anugerah sempena Sambutan Hari Inovasi dan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014 kepada para pemenang dan penerima anugerah. YB Datuk Abdul Rahman Dahlan turut melawat pameran berkaitan PUSPEK dan inovasi selain turut menyempurnakan upacara memotong riben di bangunan utama PUSPEK dan sesi bergambar.



PUSPEK: Pusat Penyelidikan Kebommbaan Pertama di Malaysia

PUSPEK yang diletakkan di bawah tadbir urus Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merupakan pusat penyelidikan kebommbaan pertama seumpamanya ditubuhkan di Negara ini.

Selaras dengan visi PUSPEK iaitu "Menjadi Pusat Kecemerlangan Serantau dalam Bidang Penyelidikan dan Pembangunan Kebommbaan Menjelang Tahun 2020", kewujudan pusat ini akan membawa Malaysia ke satu aras baharu bidang kebommbaan.

PUSPEK berperanan melaksanakan penyelidikan serta pembangunan sains, teknologi dan inovasi kebommbaan secara inovasi bagi meningkatkan kecekapan JBPM dan inovasi kebommbaan. Kewujudan PUSPEK membolehkan aktiviti seperti penyelidikan berkaitan pemadaman, penyelamatan, keselamatan kebakaran dan *fire behaviour* dilaksanakan dengan sistematik dan saintifik bagi meningkatkan perkhidmatan kebommbaan supaya menjadi lebih cekap dan berkesan. Selain itu, PUSPEK juga berperanan melaksanakan kajian produk baharu dan kajian spesifikasi produk bagi tujuan perolehan jabatan serta melaksana kajian impak dan menguruskan aktiviti inovasi jabatan.

PUSPEK dibina di atas tanah seluas 20.7 ekar dengan luas pembangunan projek sebanyak 8.5 ekar. Projek ini mula dibina pada bulan September 2010 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2014. Pada masa ini, PUSPEK ditadbir oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (BPP), JBPM.

Inovasi Memacu Kehebatan

Bertemakan "Inovasi Memacu Kehebatan", Hari Inovasi peringkat KPKT tahun 2014 disambut dengan pelbagai pengisian aktiviti bagi memberi peluang kepada warga KPKT untuk menyumbang idea dan cadangan yang mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Antara aktiviti dan pertandingan inovasi yang telah diadakan sempena sambutan pada tahun ini ialah:

- Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT);
- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);
- Pertandingan Poster Hari Inovasi;
- Pertandingan Multimedia Terbaik; dan
- Pertandingan Pejabat Terbaik 2014.

Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT



Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat kebangsaan telah diadakan pada 14 Oktober 2014 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan tema "1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara" dan tahun ini merupakan tahun ke-16 program ini diadakan. Setiap tahun perayaan Bulan Bahasa Kebangsaan ini akan disambut bermula pada bulan September hingga Disember.

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014 telah mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada warga Kementerian. Tiga (3) pertandingan iaitu pertandingan menulis cerpen, pertandingan menulis esei dan berbalas pantun telah diadakan dan mendapat kerjasama daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Pertandingan-pertandingan sebegini dapat meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam urusan seharian selain dapat mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa menerusi kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan.



ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT)

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti, mutu dan tahap kecekapan perkhidmatan awam dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan usaha-usaha memudah cara perkhidmatan awam agar perkhidmatan bertaraf dunia dapat diberikan kepada masyarakat di Negara ini. Selain usaha yang berterusan, pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan turut diberikan bagi memastikan kelestarian kualiti dan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan awam ini melalui pelaksanaan Program Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA).

Selaras dengan aspirasi nasional untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah Negara Maju berpendapatan tinggi dan berpaksikan kreativiti dan inovasi, Kerajaan telah memperkenalkan struktur pengiktirafan baru mulai tahun 2009 dengan pengiktirafan dua (2) anugerah iaitu Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA).

Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) dianjurkan buat pertama kalinya mulai tahun 2010 dan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang ditonjolkan dalam empat (4) bidang pengurusan iaitu:

- Pengurusan Kewangan;
- Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- Pengurusan Pentadbiran Daerah dan Tanah, dan
- Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Proses pengenalanpastian dan penilaian calon-calon bagi empat (4) kategori tersebut dilaksanakan dan diterajui oleh empat (4) agensi iaitu Kementerian Kewangan bagi Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

bagi Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bagi Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah, dan KPPT bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT).

AIPBT adalah anugerah yang memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melaksanakan inovasi berkualiti dalam sistem pengurusan mereka. Selain itu, AIPBT menggalakkan dan meningkatkan lagi kesedaran tentang inovasi di peringkat PBT serta memberi pengiktirafan secara formal kepada PBT yang telah mencapai kecemerlangan pembudayaan dalam melaksanakan program-program peningkatan inovasi. Malah, program seumpama AIPBT menggalakkan persaingan sihat antara PBT ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Inovasi-inovasi yang diperkenal dan dilaksanakan oleh PBT dinilai oleh panel penilai yang dilantik dan penilaian adalah dari segi keaslian idea dan impak kepada pelanggan. Hal ini bagi memastikan perkhidmatan PBT yang berkualiti, cekap, adil dan mesra pelanggan dapat disampaikan kepada masyarakat. Sejak anugerah ini diwujudkan pada tahun 2010, penyertaan daripada PBT adalah amat memberangsangkan. Penganugerahan seperti ini mampu melonjakkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara keseluruhannya melalui pelbagai inisiatif inovasi yang cekap dan berkualiti.

Bagi tahun 2014, Kementerian menerima 28 penyertaan daripada PBT di seluruh Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak. Berikut adalah pemenang AIPBT bagi tahun 2014.

Kedudukan	Pemenang		Hadiah
Tempat Pertama	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)		Wang tunai RM200,000.00
Tempat Kedua	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)		Wang tunai RM100,000.00
Tempat Ketiga	Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)		Wang tunai RM100,000.00
Tempat Keempat	Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)		Wang tunai RM100,000.00
Tempat Kelima	Majlis Daerah Kerian (MDK)		Wang tunai RM100,000.00
Tempat Keenam	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)		Wang tunai RM100,000.00



Anugerah Khas Penglibatan Aktif dalam AIPBT 2014

Pejabat Setiausaha Negeri Perak telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Penglibatan Aktif dalam AIPBT 2014 dan menerima sijil penghargaan dalam majlis yang sama. Anugerah Khas ini adalah bertujuan menghargai kesungguhan dan komitmen semua PBT di negeri atas penglibatan aktif dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2014.



Dedah Inisiatif Perumahan Kepada Warga

Program KPKT* yang pertama telah diadakan pada 10 November 2014, dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara (JPN) bertemakan "Perumahan Rakyat". Sesi ini membincangkan dan mendedahkan warga Kementerian kepada program inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh JPN bagi menyelesaikan isu perumahan di Malaysia. KPKT kali ini membincangkan tiga (3) inisiatif perumahan iaitu Skim MyHome, Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

1. PPA1M diadakan bertujuan membolehkan penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri. JPN telah mensasarkan pembinaan sebanyak 100 ribu unit rumah dalam tempoh lima (5) tahun sehingga tahun 2018. JPN bertanggungjawab dalam PPA1M di kawasan selain Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan.



Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) Kuala Lumpur

2. Program RT1M Kuala Lumpur bertujuan memudahkan pasangan yang baharu berkahwin untuk tinggal di kawasan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM250 sebulan selama dua (2) tahun. Memandangkan program ini adalah kemudahan kepada semua pasangan muda baru berkahwin, notis pengosongan kepada penyewa yang berjaya akan dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat kontrak. Bagi Tahun 2015 Permohonan RT1M telah ditutup pada 13 November 2014 dan pemohon yang berjaya akan mula menduduki RT1M di PPR Bukit Jalil pada bulan Mac 2015.

Syarat-syarat Permohonan

- Pemohon dan pasangan adalah warganegara Malaysia;
- Pemohon berumur 30 tahun dan ke bawah;
- Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur;
- Pemohon bekerja di Lembah Klang;
- Pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah; dan
- Tiada rekod jenayah.

Syarat Tambahan Permohonan

- Pemohon tidak boleh menyewakan (*sub let*) rumah transit; dan
- Pemohon tidak boleh menuntut sebarang kos untuk pindah masuk / pindah keluar ke / dari rumah transit tersebut

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh warga Kementerian termasuklah:

- i. Cadangan penjualan rumah sedia ada atau sub-sale dalam skim MyHome atau PPA1M ;
- ii. Peranan JPN dalam membolehkan *middle - income earners* memiliki rumah selain daripada Skim MyHome/ PPA1M dan RT1M; dan
- iii. Pendedahan kepada penjawat awam mengenai kaedah untuk menyediakan rumah sebagai aset yang boleh menjana pendapatan.

Skim MyHome

3. Skim MyHome telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 di Dewan rakyat pada 25 Oktober 2013. Skim ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim ini menawarkan insentif sehingga RM30 ribu seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10 ribu unit rumah mampu milik di seluruh Negara.



Kriteria- kriteria Asas Permohonan

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pembelian rumah pertama;
- iii. Pemohon mestilah berumur 18 tahun ke atas;
- iv. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendapatan bulanan isi rumah seperti berikut:

	Harga Pasaran/Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
MyHome 1	80,000 – 120,000	50,000 – 90,000	800	3,000 – 4,000
MyHome 1 Sabah & Sarawak	90,000 – 120,000	60,000 – 90,000	800	3,000 – 4,000
MyHome 2	120,001 – 200,000	90,001 – 170,000	850	4,001 – 6,000
MyHome 2 Sabah & Sarawak	120,001 – 250,000	90,001 – 220,000	850	4,001 – 6,000

Rumah-rumah yang dibina di bawah skim ini dilengkapi dengan tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, dewan, surau dan taman permainan turut disediakan.



TURUN PADANG YBTM KE PROJEK-PROJEK TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M) DI JOHOR



Program Lawatan Turun Padang YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke DUN Mahkota, Kluang, Johor pada 22 September 2014



Program Lawatan Turun Padang YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Parlimen Tenggara, Kota Tinggi, Johor pada 23 Oktober 2014

PERUNTUK KUOTA 10% UNIT RUMAH PPR UNTUK PROGRAM RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan YB Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan telah mengadakan lawatan turun padang ke Rumah Transit 1Malaysia di Bukit Jalil pada 24 November 2014 bagi meninjau penyediaan unit rumah di bawah program ini yang kini telah memasuki fasa akhir kerja-kerja pengubahsuaian.

Dua (2) blok Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Bukit Jalil yang mengandungi 632 unit rumah dengan keluasan 650 kaki persegi setiap unit telah dipilih sebagai projek perintis bagi Program Rumah Transit 1Malaysia.

Program ini diperkenalkan untuk membantu mengurangkan bebanan pasangan muda yang berpendapatan rendah untuk memulakan kehidupan sebagai suami isteri. Kadar sewa rumah transit ini ialah RM250 sebulan dengan tempoh sewaan selama dua (2) tahun. Antara syarat-syarat permohonan rumah transit di PPR Bukit Jalil ialah:

- Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;
- Pemohon berumur tidak melebihi 30 tahun;
- Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur dan bekerja di sekitarnya;
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000;
- Pemohon tidak mempunyai rekod jenayah;
- Pemohon tidak dibenarkan menyewakan rumah transit; dan
- Pemohon juga tidak boleh menuntut sebarang kos pindah masuk/ keluar dari rumah transit.

Semenjak program ini dilancarkan, KPKT telah menerima lebih daripada 4000 permohonan, dan 490 pasangan telah dikenal pasti sebagai kumpulan pertama yang layak untuk menyewa rumah di bawah program ini.

Semasa sesi turun padang ini, YB Datuk Abdul Rahman juga telah mengumumkan bahawa KPKT akan memperuntukkan 10 peratus daripada unit rumah PPR bagi Program Rumah Transit 1Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai populasi belia yang tinggi seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuala Terengganu dan Kota Kinabalu.

KPKT dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyedari bahawa Program Rumah Transit 1Malaysia bukanlah penyelesaian jangka masa panjang terhadap isu pemilikan rumah dalam kalangan golongan belia kerana tempoh sewaan rumah transit ini hanya dua (2) tahun. Program ini merupakan langkah *complimentary* kepada program jangka masa panjang yang mana rumah yang ditawarkan terletak di kawasan strategik dengan kadar sewa yang rendah untuk membantu pasangan belia sementara mencari rumah untuk dimiliki. Sebagai penyelesaian jangka masa panjang terhadap isu ini, pihak Kerajaan memperkenalkan Skim Perumahan Belia; Skim Rumah Pertamaku; Bandar Belia 1Malaysia dan pembinaan lebih banyak lagi rumah mampu milik.

YB TIMBALAN MENTERI TURUN PADANG SAMPAIKAN AMANAT KEPADA PENERUSI JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK

KPKT mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) ini memandangkan tidak ada perwakilan yang mewakili penduduk bandar. Lebih 70 peratus penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan dijangka mencecah 75 peratus menjelang tahun 2020. Isu-isu masyarakat bandar makin hari makin kompleks seperti kesihatan, pendidikan, pembangunan, alam sekitar, keselamatan dan kebajikan.

Sehubungan dengan itu, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meluahkan masa untuk bertemu dengan Pengerusi JPP dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di beberapa buah Negeri. Majlis perjumpaan ini diadakan bertujuan untuk memberikan penerangan dan menyampaikan amanat pihak KPKT berhubung pengenalan dan pelaksanaan JPP.

Berikut merupakan majlis-majlis perjumpaan antara YB Datuk Halimah dengan Pengerusi JPP yang telah diadakan sepanjang bulan September hingga Disember 2014.

Bil.	Majlis	Tarikh	Tempat	Kehadiran	
				WVIP	JPP
1.	Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Perak	11 Sep 2014	Dewan Merdeka Tapah, Tapah, Perak	YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT; dan YB Dato' Saarani Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak.	271 orang Pengerusi JPP dari 15 buah PBT di Negeri Perak yang dilantik berkuat kuasa pada 1 Sep 2014
2.	Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Pahang	17 Okt 2014	Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan Pahang	YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf; dan YB Dato' Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelai yang mewakili Menteri Besar Pahang.	231 orang Pengerusi JPP di 11 PBT di Negeri Pahang yang dilantik berkuatkuasa 1 Nov 2014
3.	Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Perlis	25 Sep 2014	Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis Kangar, Perlis	YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis; YB Tuan Haji Mat Haji Hassan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Perumahan dan Kerajaan Tempatan/ Perkhidmatan Bandar/ Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil); dan YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf	24 orang Pengerusi JPP bagi Negeri Perlis yang telah dilantik berkuatkuasa 1 September 2014
4.	Bersama Pengerusi JPP dalam Kawasan PBT Negeri Kedah	2 Okt 2014	Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah	YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf; YB Tuan Haji Badrol Hisham Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air, Tenaga dan Pembangunan Insan Negeri Kedah yang mewakili Menteri Besar Kedah	211 orang Pengerusi JPP di 11 PBT di Negeri Kedah yang dilantik berkuatkuasa 1 Okt 2014.

PEMBINAAN PPR BANTU TINGKAP TAHAP KEHIDUPAN RAKYAT KOTA SETAR

Pada 15 November 2014, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah turun padang bagi memantau tapak projek pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Setar, Alor Setar, Kedah yang dijangka siap pada 23 April 2017.

Projek yang bernilai RM95 juta ini dijangka akan dapat membantu menyelesaikan masalah perumahan bagi 80 keluarga setinggan yang mendiami tanah ini sebelum projek ini dilaksanakan. Golongan ini akan diberi keutamaan untuk pengisian rumah ini berdasarkan syarat dan prosedur sedia ada.

Projek ini dijangka disiapkan dalam 36 bulan dibina atas tanah milik persendirian seluas 3.8531 ekar yang mana 15,593 meter persegi melibatkan pembinaan dua (2) blok rumah pangsa 16 tingkat yang mengandungi 500 unit rumah. Setiap unit bersaiz 700 kaki persegi dengan tiga (3) bilik tidur; ruang tamu; ruang dapur dan dua (2) bilik air. Di samping itu, projek perumahan ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan awam antaranya tempat letak kereta bertingkat, dewan serbaguna, tadika, gerai dan kedai.

Projek pembinaan ini dilaksanakan secara rundingan terus bersama syarikat Tulangis Maju Sdn. Bhd. Pada masa ini, pihak kontraktor yang dilantik oleh KPKT sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar. PPR Kota Setar ini merupakan salah satu daripada projek yang telah diluluskan dalam Bajet 2013.



'MATA HATI' PUPUK KESEDARAN PENJAGAAN KEBERSIHAN

Dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap penjagaan kebersihan terutama sekali di kawasan longkang, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah menganjurkan Program Mata Hati 1Transformasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2014.

Program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ab Rahim Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA dan seramai 200 warga kerja PPSPPA termasuk syarikat konsesi Alam Flora terlibat dalam melakukan aktiviti membersihkan kaki lima dan jalan raya berhadapan restoran dan kedai di kawasan sekitar.

Program Mata Hati yang menggabungkan elemen jalinan mesra; semangat kerja yang tinggi; komunikasi yang berkesan; menjaga kebajikan pekerja dan tinjauan mesra ini merupakan program dan pendekatan baharu yang dijalankan oleh PPSPPA terhadap komuniti setempat. Justeru,



PPSPPA berharap elemen-elemen yang baik ini dapat disemai dalam diri anggota Perbadanan supaya dapat menghasilkan kerja yang baik walau berdepan dengan cabaran dan halangan.

PPSPPA juga komited dalam menyelesaikan pembersihan longkang bagi semua kawasan titik panas yang dijangka akan disempurnakan pada hujung bulan Oktober 2014.



TAHUKAH ANDA?

HARGAI MAKANAN, JANGAN MEMBAZIR

Rakyat Malaysia
menjana 8000
ribu tan sisa
makanan sehari!

OPS MATA HELANG SASAR ZERO ADUAN DAN CAPAI STATUS BANDAR BERSIH

Pada 10 Oktober 2014 bertempat di Kluang, Johor, PPSPPA telah melancarkan inisiatif terbaharu yang dikenali sebagai 'Operasi Mata Helang' yang secara rasminya telah berkuatkuasa pada 10 Oktober 2014 yang lepas. Dalam inisiatif ini, PPSPPA telah membentuk Pasukan Mata Helang yang terdiri daripada tujuh (7) orang anggota PPSPPA dan tujuh (7) orang kakitangan SWM Environment yang akan memantau dan mengawasi secara komprehensif 14 kawasan dalam Bandar Kluang.

Bagi permulaan operasi ini, YBhg. Datuk Ab Rahim Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA telah turun padang secara *deep diving* dalam Sesi 48 Jam Kluang bagi memberikan gambaran awal tentang aspek yang perlu difokuskan oleh Pasukan Mata Helang semasa menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan.

Tambahan lagi, Program *Winning Hearts and Minds (WHM)* juga turut dijalankan di Bukit Kurnia, Kluang yang bertujuan memberikan perkhidmatan di luar jangkaan kepada pelanggan selain memberi bantuan secara fizikal dan mental kepada keluarga yang terlibat.

Hasrat utama Pasukan Mata Helang ini ditubuhkan adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang pantas, menyeluruh dan efisien oleh PPSPPA dan SWM sebagai syarikat konsesi kepada pelanggan. Selain itu, PPSPPA juga telah meletakkan cabaran kepada pasukan ini yang mana kawasan ini akan mencapai status Zero Aduan dan juga akan diisytiharkan sebagai Bandar Bersih menjelang tahun 2015.

Secara dasarnya, Operasi Mata Helang di Kluang ini juga merupakan nukleus kepada penubuhan Pasukan Mata Helang bagi daerah-daerah seliaan PPSPPA di Negeri lain. Semoga inisiatif ini akan mendapat sokongan dan maklum balas yang baik dari pihak masyarakat.

'MATA HATI'

Pendekatan yang digunakan oleh PPSPPA dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat umum melalui pendekatan *Winning the Heart and Minds (WHM)* yang akan dilaksanakan di lima (5) kawasan bandar di seluruh Malaysia iaitu:

- Pekan;
- Muar;
- Langkawi;
- Rembau; dan
- Putrajaya.



PERMURNIAAN INDIKATOR SISTEM PENARAFAN BINTANG PBT IKUT KEPERLUAN RAKYAT

Bengkel Semakan Semula Indikator Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia 2015 telah diadakan pada 24 hingga 27 November 2014 di Best Western Pangkor Hotel and Resort, Perak.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan dan memurnikan Indikator SPB-PBT Semenanjung Malaysia 2013 supaya ianya sejajar dengan keperluan rakyat, pelanggan dan pemegang taruh PBT yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT dan dijayakan oleh seramai 55 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil Jabatan dan bahagian KPKT, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan serta wakil-wakil dari Setiausaha Kerajaan Negeri.

Selain itu, bengkel ini juga bertujuan bagi meningkatkan kefahaman kepada pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan SPB-PBT Semenanjung Malaysia 2015 serta mengkaji implikasi penggabungan lawatan SPB-PBT dengan lawatan-lawatan Inspektorat yang lain seperti *One Stop Center* (OSC), *Commissioner of Building* (COB), Inisiatif Kejiranan Hijau dan lain-lain.

Segala syor dan cadangan yang diperolehi daripada bengkel ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu SPB-PBT untuk dimuktamadkan sebelum pelaksanaan SPB-PBT Semenanjung 2015.

SISTEM PENARAFAN BINTANG – PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

- ★ Dulu dikenali sebagai Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT)
- ★ Diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 pada 2 Oktober 2007
- ★ Tujuan: Menilai tahap penyampaian PBT di seluruh Negara
- ★ Dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali
- ★ Dilaksanakan kali pertama pada tahun 2008/2009, kali kedua pada tahun 2010/2011 dan pada kali ketiga pada tahun 2013.



PENSTRUKTURAN LAMAN WEB KPKT, JPSPN & I-KPKT



Satu Bengkel Penstrukturan Laman Web KPKT telah dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) pada 17 hingga 19 September 2014 bertempat di De' Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang dan disertai oleh 26 orang pegawai yang mewakili jabatan dan bahagian di KPKT.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendapatkan pandangan bagi kerangka baharu, reka letak dan melihat semula kandungan di laman web KPKT, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT). Bengkel telah dibahagikan kepada tiga (3) slot seperti yang berikut:

Slot 1 Perbincangan dalam kumpulan: Mengenai pasti kelemahan dan penambahbaikan terhadap reka letak dan kandungan laman web KPKT, JPSPN dan I-KPKT sedia ada dan mencadangkan kerangka laman web baharu.

Slot 2 Pembentangan hasil perbincangan dan sesi soal jawab

Slot 3 Perkongsian ilmu (*knowledge sharing*) mengenai pengurusan media sosial oleh UKK dan wakil-wakil jabatan dan bahagian

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah dapat mencapai objektifnya dan para peserta memberikan maklum balas yang positif dan memberangsangkan. Hasil dapatan daripada bengkel ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web untuk mendapatkan persetujuan daripada CIO KPKT dan ahli mesyuarat.

TAMBAH BAIK INDUSTRI PEMBERI PINJAM WANG & PEMEGANG PAJAK GADAI

Bahagian Dasar dan Inspektorat; Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai; dan Bahagian Sumber Manusia telah menganjurkan Lab Hala Tuju Aktiviti Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) di Malaysia pada 7 hingga 9 Oktober 2014 bertempat di Institut Latihan KPKT.

Lab ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai aktiviti PPW dan PPG dengan objektif untuk mengkaji impak dasar dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh agensi pusat dan seterusnya menyediakan cadangan hala tuju dan masa depan kedua-dua aktiviti ini.

Lab ini telah dihadiri oleh 43 orang peserta dari pelbagai Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan, antaranya Persatuan Pemberi Pinjam Wang Berlesen Malaysia (MILMA); Persatuan Pajak Gadai Malaysia; Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur; Bank Negara Malaysia (BNM); Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU); PBT dari Bandaraya Shah Alam dan Kuching serta Kementerian Kewangan dari Negeri Sabah dan Sarawak.

Para peserta telah didedahkan dengan isu-isu yang selalu dikaitkan dengan industri PPW dan PPG. Isu-isu tersebut seterusnya dibincangkan dengan lebih teliti melalui perbincangan meja bulat yang merangkumi empat (4) tajuk utama. Melalui perbincangan meja bulat ini, para peserta telah menyediakan beberapa cadangan untuk menambah baik industri PPW dan PPG.

PENGUKUHAN TEKNOLOGI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

Bahagian Teknologi maklumat telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Teknologi Perkhidmatan Sistem Maklumat pada 29 hingga 31 Oktober 2014 bertempat di Primaland Resort & Convention Centre, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 29 orang pegawai yang terdiri daripada gred 29 hingga 54 telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini merupakan wadah perkongsian teknologi ICT terkini kepada semua Pegawai Skim F di BTM untuk dijadikan amalan dalam merealisasikan impian dan harapan untuk melahirkan pegawai yang berkemahiran dan berdaya saing.

Antara aktiviti yang diadakan adalah taklimat mengenai *Software Testing*, Perolehan, *Virtual Machine*, *Enterprise Architecture* dan juga perbincangan mengenai strategik, perolehan dan kursus bagi tahun 2015.





Malam Media KPKT & KKR Meriah



KPKT dan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Malam Media KPKT & KKR pada 5 Disember 2014 bertempat di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah.



MY BUSKERS CORNER SELANGOR

Lokasi: Canai 15 Café, Subang Jaya
Tarikh: 24 Disember 2014



MY BUSKERS CORNER PERAK

Lokasi: Kinta River Walk, Ipoh
Tarikh: 8 November 2014



SOROTAN 2014 WIRA MERAH

LATIHAN PENGUKUHAN IKHTIAR HIDUP DI LAUT DAN LATIHAN DINGHY 2014 (SEA SURVIVAL & DINGHY DRILL 2014) PANGKALAN UDARA JBPM SUBANG DAN BERTAM

MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN 2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MAJLIS PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



KEJOHANAN PAYUNG ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) CHALLENGE 2014





MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TANGGA BATU

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu, telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Pada majlis tersebut para tetamu disajikan dengan pertunjukan kebombaian dan pameran kebombaian.



PENYERAHAN KUNCI RUMAH- PROJEK PEMBINAAN RUMAH DI BATU KURAU, PERAK

Pada 28 November 2014, bertempat di Lot.5468, Kampung Relang, 34520 Batu Kurau, Perak Darul Ridzuan telah diadakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek pembinaan semula rumah ini telah dimulakan pada 2 September 2014 sehingga siap sepenuhnya pada 15 Oktober 2014 yang mengambil masa selama 44 hari di mana seramai 33 orang pegawai dari Balai-Balai Bomba di sekitar Zon 2 Perak telah terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah tersebut.

Majlis penyerahan kunci rumah telah disempurnakan oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM kepada tuan rumah Puan Norzeha Binti Abu.

MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JBPM NEGERI JOHOR

Pada 4hb Disember 2014, Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor, telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di majlis tersebut YB Menteri menandatangani plak perasmian Ibu Pejabat JBPM Johor.



Jagalah Keselamatan Anda SEMASA BANJIR



Pindah segera ke pusat pemindahan banjir apabila diarahkan

Jangan biarkan kanak-kanak bermain air banjir kerana boleh mengakibatkan pelbagai penyakit yang berbahaya dan juga mengancam nyawa



Elakkan dari meredah jalan raya yang ditenggalami air

Tutup semua suis utama elektrik, injap utama bekalan air dan gas sebelum meninggalkan rumah



Jangan hampiri dawai elektrik yang jatuh ke dalam air

“UTAMAKAN KESELAMATAN SEMASA BANJIR”

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari
<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau e-mel ke pro@kpkt.gov.my